

MAHAJHIR-TV3

(I)

1984.

KUALA LUMPUR, 13 JUN (BERNAMA) -- TV3 MESTI MEMBAYAR ROYALTI DARI 3 HINGGA 7-1/2 PERATUS DARIPADA PENDAPATAN KASARNYA SETAHUN KEPADA KERAJAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI.

BELIAU BERKATA, RANGKAIAN TV KOMERSIAL YANG BARU DITUBUHKAN ITU AKAN TERTAKLUK KEPADA PEMBAYARAN SEBAIK SAHAJA IA MENJALANKAN OPERASINYA. BAGAIMANAPUN, CORAK PEMBAYARAN SAMA ADA SECARA BULANAN ATAU SEKALI GUS SETIAP TAHUN AKAN DITENTUKAN KEMUDIAN, KATANYA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MINGGUAN KABINET DIPEJABATNYA DI SINI.

FORMULA MENGENAI BAYARAN ROYALTI ITU DIPUTUSKAN DALAM MESYUARAT KABINET HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TV3 JUGA DIKEHENDAKI MEMBAYAR SETIAP PROGRAM KERAJAAN YANG DIAHILIR DARIPADA FILEM NEGARA DAN RTM.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA BAYARAN YANG DIKENAKAN KEPADA TV3 ADALAH BAGI MEMASTIKAN BAHAWA KERAJAAN JUGA MENDAPAT HANFAAT DARIPADA PERUSAHAAN FILEM.

--LAGI 1714/AN

MAHATHIR-TV3 '2 KUALA LUMPUR

DI SAMPING ITU, TV3 TERTAKLUK KEPADA BAYARAN CUKAI PENDAPATAN DARI KEUNTUNGANNYA SEPERTI YANG DIKENAKAN KE ATAS SYARIKAT-SYARIKAT.

TV3 DIKENDALIKAN OLEH SISTEM TELEVISYEN MALAYSIA BERHAD (STMB) MEMULAKAN SIARANNYA 4 JUN LALU - ENAM BULAN LEBIH AWAL DARI MATLAMAT PELANCARANNYA.

APABILA DITANYA MENGENAI PROGRAM RANGKAIAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MEMINTA KEMENTERIAN PENERANGAN MENJALANKAN KAJIAN MENGENAI PERKARA ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA 19 KERTAS KERJA KABINET TELAH DIBINCANGKAN DI MESYUARAT HARI INI TERMASUK KERTAS MAKLUMAT MENGENAI HARTA KARUN YANG DIJUMPAI PADA BANGKAI KAPAL DEKAT PULAU BATU GAJAH DILUAR MERSING, JOHOR.

BELIAU MENYATAKAN BAHAWA KABINET TELAH JUGA BERSETUJU SUPAYA MELAYSIA MENGADAKAN PERJANJIAN PENYELIDIKAN MENGENAI PERTANIAN DENGAN AUSTRALIA KHUSUSNYA TENTANG TANAMAN PADI.

PERDANA MENTERI BERKATA AUSTRALIA MEMPU NYAI BANYAK PERSAMAAN DENGAN MALAYSIA DALAM BIDANG TANI KERANA KEDUA-DUANYA MENGUSAHAKAN TANAMAN TROPIKA DAN JENIS TANAMAN YANG DIUSAHAKAN DI SANA JUGA BOLEH HIDUP DI SINI.

KATANYA TANAMAN PADI DI AUSTRALIA AGAK BERJAYA DAN MALAYSIA BOLEH MENGIKUTI CONTOH INI.

--BERNAMA 1720/AN